



UPM Tuan Rumah Konvensyen Maulidur Rasul Kebangsaan



Perarakan Maulidur Rasul yang disertai pelajar dan staf UPM berarak dari Padang Kawad UPM ke Masjid UPM.

SERDANG, 8 Mac - Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dipilih menjadi tuan rumah Konvensyen Maulidur Rasul Pelajar Institut Pengajian Awam Tinggi (IPTA) peringkat kebangsaan 2009 baru-baru ini.

Konvensyen bertemakan 'Wahdah Pemangkin Khaira Ummah' itu yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr. Azzali Mohamed bertujuan membuktikan kecintaan umat Islam terhadap Nabi Muhammad s.a.w.

Pengarah konvensyen, Akmal Azfar Abd Mutalib berkata konvensyen berkenaan menekankan pembangunan jasmani, keilmuan, kerohanian dan pembangunan modal insan pelajar.

"Aktiviti yang dirangka bertepatan dengan tujuan sebenar sambutan Maulidur Rasul yang diadakan setiap tahun iaitu mengingati perjuangan Rasulullah s.a.w memperjuangkan agama Islam," katanya.

Tiga sesi yang diatur untuk memantapkan lagi pengisian program ialah ceramah 'Kepimpinan dan Keperibadian Rasulullah s.a.w yang disampaikan oleh tokoh agama, Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz; pembentangan kertas kerja 'Pementapan Intelektual ke Arah Keharmonian' oleh Fakuruddin Eshak dan Dr. Amiri Amir Abdullah serta diskusi 'Rahmat Suatu Ketahiran' oleh Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Sabran, Ismail Hashim Junaidi dan Zamihan Mat Zn.

Pengarah Pusat Islam, Dr. Amiri Amir Abdullah berkata antara program lain yang turut dilaksanakan bagi menyemarakkan lagi sambutan perdana Maulidur Rasul peringkat UPM ialah Forum Perdana Maulidur Rasul, Kempen Cinta Rasulullah, pertandingan penulisan Esei Maulidur Rasul dan pertandingan Perarakan dan Sepanduk Kolej Kediaman.

Sebanyak 17 kolej kediaman UPM bertanding dalam pertandingan perarakan yang dianjurkan oleh Pusat Islam UPM dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar, Pejabat Pendaftaran dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM.

Perarakan tersebut bermula dari Padang Kawad UPM dan berakhir di Masjid UPM dengan penyertaan 1,200 pelajar.

Pada pertandingan tersebut, tempat pertama disandang oleh Kolej Ke-13, tempat kedua dimenangi Kolej Kedua dan tempat ketiga dimenangi oleh Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah.

Dr. Amiri berkata perarakan tersebut merupakan manifestasi kasih sayang terhadap Rasulullah di samping dapat melahirkan daya kreativiti pelajar melalui sepanduk serta mengeratkan silaturrahim antara mahasiswa dari kolej kediaman yang berbeza.

"Perarakan ini juga memanifestasikan semangat kerja berpasukan yang tinggi di kalangan para pelajar," katanya.



Pelajar UPM menumpukan perhatian ketika mendengar ceramah agama pada hari konvensyen Maulidur Rasul Kebangsaan.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.